

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HMP 204 - Linguistik Sejarah dan Perbandingan
Bahasa Melayu Polinesia

Tarikh: 7 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 T/hari
(3 Jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

SOALAN NO. 1 MESTI dijawab dan TIGA(3) soalan lain.

1. Cuba rekonstruksikan bahasa induk bagi bahasa-bahasa di bawah ini dan terangkan perubahan bunyi yang berlaku dengan rumus-rumus dan proses-proses lain yang sesuai.

Bahasa Rekaan

		<u>A</u>	<u>B</u>	<u>C</u>	<u>D</u>	<u>E</u>	
TL.	1.	sikəm	segəm	hacum	sekun	segün	'minum'
	2.	sikəd	segət	hacid	seki	segid	
	3.	sekə	segə	haca	seke	sege	
JK.	1.	sekəl	segəl	hakul	sekul	segül	
	2.	sekət	segət	hakat	seka	segæt	
	3.	sekəb	segəp	hakab	seko	segöb	
TL.	N.	sikəa	sigəs	haku	seku	següs	'air'
	A.	sikən	sigən	hakan	sekon	segön	
	G.	sikər	sigər	hakar	seker	seger	
TL.	1.	ibəm	ivəm	abum	ebun	eün	'adalah'
	2.	ibəd	ivət	abid	ebi	eid	
	3.	ebə	evə	aba	ebe	ē	
JK	1.	ebəl	ivəl	abul	ebul	eül	
	2.	ebət	ivət	abat	eba	ēt	
	3.	ebəd	evəp	abab	ebo	eöb	

2. Terangkan proses-proses perubahan bunyi:
 - (a) yang menggalakkan penambahan,
 - (b) yang menggalakkan pengguguran, dan
 - (c) yang tidak menambah atau menggugurkan unsur bunyi.

3. Tulis nota pendek daripada tajuk-tajuk berikut:
 - (a) Hukum Grimm
 - (b) Hukum Verner
 - (c) Hukum Bunyi RGH
 - (d) Hukum Grassman
 - (e) Hukum Bunyi RLD

4. Gunakan bahasa Melayu sebagai asas dan kemudian bandingkan dengan bahasa-bahasa Austronesia yang lain. Anda dikehendaki memperlihatkan kesamaan yang khas yang terdapat dalam bahasa-bahasa ini. (Jawapan anda harus disertai dengan contoh-contoh yang sesuai).

5. Terangkan bagaimana bahasa boleh berubah, dan perubahan bahasa yang berlaku itu dengan cara sewenang-wenang sahaja atau mematuhi pola-pola/corak-corak perubahan yang tetap (regular). Bincangkan.

6. Bincangkan (a) apa yang dimaksudkan dengan proses ANALOGI dalam bidang Linguistik Sejarah dan apa pula implikasinya, dan (b) Hukum Kurylowicz yang pertama, kedua dan keempat.

-ooo0000ooo-